

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Februari 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, JANUARI 2025

**Terma Perdagangan Malaysia menokok 0.6 peratus pada Januari 2025,
disumbangkan oleh minyak & lemak binatang & sayur-sayuran.**

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARI 2025 – Harga eksport Malaysia pada Januari 2025 naik 0.3 peratus daripada 150.7 mata pada bulan sebelumnya kepada 151.2 mata. Di samping itu, harga import turun 0.2 peratus daripada 128.0 mata kepada 127.7 mata manakala terma perdagangan Malaysia bertambah 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 118.4 mata pada Januari 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), JANUARI 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport meningkat 0.3 peratus pada Januari 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+4.0%), pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%) dan minyak galian (+0.7%). Namun begitu, indeks volum eksport menurun 11.6 peratus selaras dengan penurunan indeks


minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-19.3%), pelbagai barang keluaran kilang (-13.6%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-13.1%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim jatuh 2.9 peratus daripada 163.8 mata kepada 159.1 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 2.7 peratus dan indeks volum berkurang 2.4 peratus.

Indeks nilai seunit import jatuh 0.2 peratus pada Januari 2025, disumbangkan oleh kejatuhan indeks bahan kimia (-0.5%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.4%) dan minyak galian (-0.3%). Namun begitu, indeks volum import naik 0.1 peratus pada Januari 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks bahan mentah tidak boleh dimakan (+12.4%), makanan (+6.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+3.9%). Indeks volum import pelarasan bermusim melonjak 5.7 peratus daripada 201.5 mata kepada 212.9 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 0.7 peratus dan indeks volum bertambah 6.9 peratus.

Terma perdagangan Malaysia berkembang 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 118.4 mata pada Januari 2025, didorong oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+5.0%), makanan (+1.2%) dan bahan kimia (+1.1%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 3.4 peratus daripada 114.5 mata pada Januari tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import

Januari 2023 – Januari 2025

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 FEBRUARI 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, February 28th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, JANUARY 2025

***Malaysia's Terms of Trade edged up 0.6 per cent in January 2025,
mainly contributed by animal & vegetable oils & fats.***

PUTRAJAYA, FEBRUARY 28, 2025 – Malaysia's export prices in January 2025 edged up by 0.3 per cent from 150.7 points in the previous month to 151.2 points. In addition, import prices fell 0.2 per cent from 128.0 per cent to 127.7 points while Malaysia's terms of trade rose 0.6 per cent month-on-month to 118.4 points in January 2025 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), JANUARY 2025**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, the export unit value index went up by 0.3 per cent in January 2025 as compared to the previous month. This increase was primarily driven by an increment in the indices of animal & vegetable oils & fats (+4.0%), miscellaneous manufactured articles (+0.8%) and mineral fuels (+0.7%). However, the export volume index decreased by 11.6 per cent in line with the decrement in the index of animal & vegetable oils & fats (-19.3%), miscellaneous manufactured articles (-13.6%) and machinery & transport equipment (-13.1%). The seasonally adjusted export volume index edged down by 2.9 per cent from 163.8 points to 159.1 points. Referring to the annual comparison, the unit value index went up by 2.7 per cent and volume index went down by 2.4 per cent.

The index of chemicals (-0.5%), machinery & transport equipment (-0.4%) and mineral fuels (-0.3%) all contributed to a 0.2 per cent decrease in the import unit value index in January 2025. However, the import volume index rose by 0.1 per cent in January 2025 as compared to the previous month, contributed by the increment in the index of inedible crude materials (+12.4%), food (+6.8%) and machinery & transport equipment (+3.9%). The seasonally adjusted import volume index went up by 5.7 per cent from 201.5 points to 212.9 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index slipped by 0.7 per cent and volume index up by 6.9 per cent.

Malaysia's terms of trade expanded 0.6 per cent month-on-month to 118.4 points in January 2025, driven by the increase in the index of animal & vegetable oils & fats (+5.0%), food (+1.2%) and chemicals (+1.1%), Meanwhile, Malaysia's terms of trade climbed 3.4 per cent year-on-year from 114.5 points in January previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate user's analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2023 – January 2025

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
 MALAYSIA
 DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
 28 FEBRUARY 2025**